



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

11 Februari 2016

## **Kenyataan Media Berhubung Prosiding Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini, selesai mendengar keterangan daripada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah 1MDB, Tan Sri Bakke Mohd Salleh dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.
- 2) Seterusnya, PAC akan mendengar pembentangan Laporan Akhir Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan 1MDB pada 24 dan 25 Februari ini.
- 3) Selepas daripada pembentangan Laporan Akhir Ketua Audit Negara ini, jika sangat perlu dan ada kewajaran dalam membantu PAC bagi mendapatkan maklumat untuk membuat Laporan PAC berhubung Pengurusan Kawalan Urus Tadbir 1MDB ke Parlimen, barulah Jawatankuasa ini akan menimbang untuk memanggil saksi.
- 4) Keutamaan PAC ketika ini, adalah untuk mendengar pembentangan Ketua Audit Negara berhubung Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dan menyiapkan Laporan PAC bagi dibentangkan ke Parlimen secara telus dan adil.
- 5) Untuk pengetahuan semua, ahli PAC terdiri daripada parti pembangkang iaitu PKR, DAP dan PAS sementara Barisan Nasional (BN) pula dianggotai oleh UMNO, MCA, Gerakan, PBB dan UPKO. Oleh itu, masyarakat umum tidak harus ada keraguan serta perlu yakin terhadap ketelusan laporan yang akan dibentang ke Parlimen nanti.